



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

MOF.DS(S)600-40/3/3(30)

28 April 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI CONTRACT FOR SERVICE TAHUN 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri *Contract For Service* Tahun 2021 kepada individu *contract for service* yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00. Sehubungan itu, semua individu *contract for service* yang masih berkhidmat pada 6 Mei 2021 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri *Contract For Service*.

3. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract for service* dan masih berkhidmat pada **6 Mei 2021** layak menerima Bantuan Khas Kewangan pada kadar RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam/ Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan di mana individu *contract for service* sedang berkhidmat.

4. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:

- i. Individu *contract for service* yang disetarakan pada gred kumpulan pengurusan tertinggi;


- ii. Individu *contract for service* yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021; dan
 - iii. Individu *contract for service* yang tamat kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021.
5. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri *Contract For Service* ini akan dibayar pada **6 Mei 2021** dan menjadi tanggungan jabatan di mana individu *contract for service* berkhidmat pada tarikh pembayaran.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ASRI BIN HAMIDON)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia